

D.R. 41/94

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Kanun Prosedur Jenayah

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDAN oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 1994. Tajuk ringkas.
2. Kanun Prosedur Jenayah, yang disebut "Kanun" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memotong seksyen : Pemotongan seksyen 8.
N.M.B. Bab 6.
3. Seksyen 9 Kanun adalah dipinda dengan memotong perenggan (b) dan (c). Pindaan seksyen 9.
4. Seksyen 128 Kanun adalah dipinda— Pindaan seksyen 128.
 - (a) dalam perenggan (i)(d) dengan memotor perkataan "either to inquire into or"; dan
 - (b) dalam subseksyen (ii) dengan memotong perkataan "either" dan "or committed for trial before the High Court".
5. Kanun adalah dipinda dengan memotong Bab XV dan XVIIA. Pemotongan Bab XVII dan XVIIA.

Pindaan seksyen 158. 6. Subseksyen 158(i) Kanun adalah dipinda dengan memotong perkataan "or in the case of trials by jury or trials with the aid of assessors before the verdict of the jury is returned or the opinions of the assessors are expressed".

Pindaan seksyen 177. 7. Seksyen 177 Kanun adalah dipinda dengan memotong perkataan "or proceed under Chapter XVII with a view to the committal of the accused for trial by the High Court, and shall record such order upon the proceedings".

Seksyen baru 177A. 8. Kanun adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 177 dalam Bab XIX seksyen yang berikut:

"Trans-
mission
of case
to, and
trial by,
the High
Court. 177A. (1) A prosecution in respect of an offence which is to be tried by the High Court in accordance with Chapter XX, shall not be instituted except by or with the consent of the Public Prosecutor:

Provided that a person may be arrested, or a warrant for his arrest may be issued and executed, and any such person may be remanded in custody notwithstanding that the consent of the Public Prosecutor to the institution of a prosecution for the offence has not been obtained, but the case shall not be further prosecuted until the consent has been obtained.

(2) In any prosecution pursuant to subsection (1), the accused shall be produced before the Magistrate's Court which shall, after the charge has been explained to him, transmit the case to the High Court and cause the accused to appear or be brought before such Court as soon as may be practicable:

Provided that when the accused is brought before the Magistrate's Court before the Public Prosecutor has consented to the prosecution, the charge shall be explained to him but he shall not be called upon to plead thereto.

(3) When the accused appears or is brought before the High Court in accordance with subsection (2), the High Court shall fix a date for his trial which shall be held in accordance with the procedure under Chapter XX."

9. Tajuk kepada Bab XX Kanun adalah dipinda dengan memotong perkataan "WITHOUT ASSESSORS". Pindaan tajuk kepada Bab XX.
10. Seksyen 179 Kanun adalah dipinda dengan memotong subseksyen (iii). Pindaan seksyen 179.
11. Kanun adalah dipinda dengan memotong Bab XXI, XXII dan XXIII. Pemotongan Bab XXI, XXII dan XXIII.
12. Kanun adalah dipinda dengan memotong seksyen 252 dan 252A. Pemotongan seksyen 252 dan 252A.
13. Subseksyen 254(i) Kanun adalah dipinda dengan memotong perkataan "or in the case of a trial by jury before the return of the verdict,". Pindaan seksyen 254.
14. Seksyen 256 Kanun adalah dipinda— Pindaan seksyen 256.
- (a) dalam subseksyen (i) dengan memotong perkataan "or an inquiry"; dan
- (b) dalam subseksyen (iii) dengan memotong perkataan "inquiry into or".
15. Seksyen 258 Kanun adalah dipinda dengan memotong perkataan "inquiry or" dan "if such inquiry result in a commitment or". Pindaan seksyen 258.
16. Seksyen 261 Kanun adalah dipinda— Pindaan seksyen 261.
- (a) dalam nota birai dengan memotong perkataan "or inquiry";
- (b) dengan memotong perkataan "an inquiry or"; dan
- (c) dalam perenggan (b) kepada proviso dengan memotong perkataan "or commitment made", "or the commitment made" dan "inquiry or".

- Pindaan seksyen 262. 17. Subseksyen 262(ii) Kanun adalah dipinda dengan memotong perkataan "in the course of an inquiry under Chapter XVII, or".
- Pindaan seksyen 264. 18. Seksyen 264 Kanun adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "XVII, XIX, XX, XXI and XXII" dengan perkataan "XIX and XX".
- Pindaan seksyen 267. 19. Seksyen 267 Kanun adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Chapters XI and XVII" dengan perkataan "Chapter XI".
- Pindaan seksyen 269. 20. Seksyen 269 Kanun adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Chapters XI and XVII" dengan perkataan "Chapter XI".
- Pindaan seksyen 281. 21. Subperenggan 281(b)(ii) Kanun adalah dipinda—
(a) dengan memasukkan selepas perkataan "as soon as corweniently may be" yang mula-mula terdapat perkataan "after the appeal has been determined by the Court of Appeal"; dan
(b) dengan memasukkan selepas perkataan ".dismisses the appeal" perkataan "made to it".
- Pindaan seksyen 288. 22. Subseksyen 288(iv) Kanun adalah dipinda—
(a) dengan memasukkan selepas perkataan "In the case of" perkataan "an accused sentenced to whipping for an offence under section 403, 404, 406, 407, 408, 409 or 420 of the Penal Code, or"; dan
(b) dengan memasukkan bertentangan dengan perkataan "Penal Code" rujukan birai "*P.M.S. Cap. 45.*".
- Pindaan seksyen 342. 23. Seksyen 342 Kanun adalah dipinda—
(a) dalam subseksyen (i) dengan menggantikan perkataan "holding a trial or a Magistrate holding an inquiry or" dengan perkataan "or a Magistrate holding"; dan
(b) dalam subseksyen (iii) dengan memotong perkataan "inquiry or".

24. Seksyen 343 Kanun adalah dipinda— Pindaan
seksyen 343.
- (a) dalam subseksyen (i) dengan menggantikan perkataan "inquiry or trial, as the case may be" dengan perkataan "trial"; dan
 - (b) dalam subseksyen (ii) dengan menggantikan perkataan "inquiry or trial, as the case may be," dengan perkataan "trial".
25. Seksyen 345 Kanun adalah dipinda dengan memotong perkataan "inquiry or" dalam nota birai seksyen itu. Pindaan
seksyen 345.
26. Kanun adalah dipinda dengan memotong seksyen 346. Pemotongan
seksyen 346.
27. Seksyen 349 Kanun adalah dipinda dengan memotong perkataan "or inquiry, as the case may be,". Pindaan
seksyen 349.
28. Subseksyen 376(iv) Kanun adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "sections 68(ii), 184(ii), 381, 385 and 386" dengan perkataan "section 68(ii)". Pindaan
seksyen 376.
29. Kanun adalah dipinda dengan memotong seksyen 381, 382, 383, 384, 385 dan 386. Pemotongan
seksyen 381
hingga 386.
30. Kanun adalah dipinda dengan memotong seksyen 398. Pemotongan
seksyen 398
31. Subseksyen 401(i) Kanun adalah dipinda dengan memotong perkataan "or commit for trial" dan "inquiry into or". Pindaan
seksyen 401.
32. Kanun adalah dipinda dengan memotong seksyen 402. Pemotongan
seksyen 402.
33. Seksyen 417 Kanun adalah dipinda— Pindaan
seksyen 417.
- (a) dalam subseksyen (1)—
 - (i) dalam perenggan (a) dengan memotong perkataan "inquiry or";
 - (ii) dalam perenggan (c) dengan memotong perkataan "inquiry into or";

- (iii) dalam perenggan (*aa*) dengan memotong perkataan "inquired into or";
 - (iv) dalam perenggan (*cc*) dengan menggantikan perkataan "; or" dengan noktah; dan
 - (v) dengan memotong perenggan (*dd*) dan (*ee*)\
- (b) dengan menggantikan perenggan (3)(a) dengan perenggan yang berikut:

"(3) (a) When an order is made under paragraph (*cc*) of subsection (1) the lower Court before which the trial of the offence against the accused person is pending shall cause the accused person to appear or be brought before the High Court on the date specified in the said order or as soon as may be practicable if no such date is specified."; dan

- (c) dalam subseksyen (4) dengan memotong perkataan "an inquiry or" dan "inquiry or".

Pindaan
seksyen 418,

34. Subseksyen 418A(3) Kanun adalah dipinda dengan memotong perkataan "without holding a preliminary inquiry under Chapter XVII".

Pindaan
seksyen 427.

35. Seksyen 427 Kanun adalah dipinda dengan memotong perkataan "or committed for trial to", "the Court which committed the case for trial or" dan "or both".

Pemotongan
seksyen 429,

36. Kanun adalah dipinda dengan memotong seksyen 429.

Pmdaan
seksyen 439.

37. Seksyen 439 Kanun adalah dipinda dengan memotong perkataan "or commit for trial".

Pindaan
Jadual Kedua

38. Jadual Kedua kepada Kanun adalah dipinda dengan memotong Borang XXXII dan XXXIX.

Kecualian.

39. (1) Apa-apa siasatan permulaan, perbicaraan oleh juri atau perbicaraan dengan bantuan pengapit yang telah dimulakan sebelum atau pada mula berkuatkuasanya Akta

ini hendaklah diteruskan atau diselesaikan dalam segala aspek seolah-olah Akta ini telah tidak diluluskan.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), apa-apa siasatan permulaan atau perbicaraan telah dimulakan apabila yang tertuduh telah hadir di hadapan atau telah dibawa di hadapan Mahkamah Majistret atau Mahkamah Tinggi, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan keterangan telah mula dikemukakan dalam siasatan atau perbicaraan itu.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Kanun Prosedur Jenayah (N.M.B. Bab 6) ("Kanun") untuk mengadakan peruntukan bagi penghapusan siasatan permulaan di Mahkamah Majistret bagi maksud mengkomitkan orang tertuduh bagi perbicaraan di Mahkamah Tinggi, dan perbicaraan dengan juri atau perbicaraan dengan bantuan pengapit.

2. *Fasal 2* bertujuan memotong seksyen 8 Kanun yang menurutnya pendengaran secara tertutup dalam siasatan permulaan dihapuskan memandangkan bahawa siasatan permulaan telah juga dihapuskan oleh Rang Undang-Undang ini.

3. *Fasal 5* bertujuan memotong Bab XVII dan XVIIA Kanun yang menurutnya peruntukan berhubungan dengan siasatan permulaan dihapuskan. Dengan penghapusan peruntukan ini tidak ada keperluan bagi siasatan permulaan diadakan di Mahkamah Majistret bagi maksud mengkomitkan orang tertuduh untuk dibicarakan di Mahkamah Tinggi bagi kesalahan yang boleh dibicarakan di Mahkamah Tinggi.

4. *Fasal 8* mengadakan peruntukan bagi pemindahan kes ke Mahkamah Tinggi untuk dibicarakan oleh Mahkamah itu, tanpa mengadakan siasatan permulaan di bawah Bab XVII Kanun.

5. *Fasal 9* bertujuan meminda tajuk kepada Bab XX Kanun dengan memotong perkataan "WITHOUT ASSESSORS". Dengan penghapusan perbicaraan oleh juri atau perbicaraan dengan bantuan pengapit, tidak ada lagi prosedur khas yang terpakai bagi Mahkamah Tinggi.

6. *Fasal 11* bertujuan memotong Bab XXI, XXII dan XXIII Kanun yang menurutnya peruntukan berhubungan dengan perbicaraan oleh juri atau perbicaraan dengan bantuan pengapit di Mahkamah Tinggi dihapuskan. Dengan pindaan ini perbicaraan di hadapan Mahkamah Tinggi adalah sama seperti perbicaraan di Mahkamah Majistret atau Mahkamah Sesyen.

7. *Fasal 21* bertujuan meminda seksyen 281 Kanun berikutan dengan penubuhan Mahkamah Rayuan bagi mengadakan peruntukan bahawa laporan oleh hakim yang menjatuhkan hukuman mati hendaklah dikemukakan kepada Mahkamah Persekutuan hanya selepas Mahkamah Rayuan telah menentukan rayuan itu.
8. *Fasal 22* bertujuan meminda seksyen 288 Kanun bagi mengadakan peruntukan bahawa bagi kesalahan di bawah Kanun Keseksaan berhubungan dengan pelepasan jenayah, pecah amanah jenayah dan penipuan, hukuman sebat hendaklah dikenakan dengan cara tatatertib sekolah iaitu dengan rotan yang ringan.
9. *Fasal 38* bertujuan memotong Borang XXXII dan XXXIX dalam Jadual Kedua kepada Kanun memandangkan penghapusan percabaran oleh juri atau percabaran dengan bantuan pengapit dan siasatan permulaan.
10. *Fasal 39* bertujuan mengadakan peruntukan bahawa apa-apa siasatan permulaan, percabaran oleh juri atau percabaran dengan bantuan pengapit yang telah dimulakan sebelum atau pada mula berkuatkuasanya Akta ini hendaklah diteruskan atau diselesaikan dalam segala aspek seolah-olah Akta ini telah tidak diluluskan. Apa-apa siasatan permulaan atau percabaran telah dimulakan apabila yang tertuduh telah hadir di hadapan atau telah dibawa di hadapan Mahkamah Majistret atau Mahkamah Tinggi, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan keterangan telah mula dikemukakan dalam siasatan atau percabaran itu.
11. Pindaan lain kepada Kanun adalah kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1589/111.]